

13 NOV 1996

BUKIT CAHAYA RESORTS NAK LANCAR "CAHAYA-THE SANCTUARY" FEBRUARI DEPAN

SHAH ALAM, 13 Nov (Bernama) -- Bukit Cahaya Country Resorts (BCCR), pemaju harta, akan melancarkan pembangunan mercu tandanya, iaitu "Cahaya, The Sanctuary" yang mengandungi 317 unit rumah mewah menjelang Februari tahun depan.

Pengerusinya yang juga pemilik Cahaya, The Sanctuary; Datuk Effendi Norwawi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan pembangunan tersebut.

Projek tersebut terletak berhampiran dengan Hutan Simpan Bukit Cahaya Seri Alam, dekat Kuala Lumpur. Ia akan menerajui konsep kelab dalam gaya hidup mewah dan pemilikan rumah di desa.

"Kerja pembinaan dijangka bermula bulan depan dan projek yang mengandungi tiga fasa itu akan dibina di tapak seluas 202.5 hektar. Ia disasarkan siap sebelum akhir abad ini," katanya kepada pemberita di majlis pelancaran media Cahaya, The Sanctuary, di sini.

Fasa pertama akan memakan masa 18 bulan untuk disiapkan, katanya sambil menambah bahawa rumah Cahaya berharga antara RM3.5 juta dan RM6.5 juta.

Katanya 60 peratus daripada fasa pertama yang mengandungi 116 rumah telah dibeli.

Pembangunan harta/perumahan yang berkepadatan rendah dan kemudahan, bernilai RM850 juta dibiayai oleh pinjaman bersindiket sebanyak RM100 juta.

Effendi berkata cabaran bagi BCCR termasuklah mempelawa dan menyelaraskan 14 arkitek terkemuka dari serata dunia untuk mereka cipta rumah Cahaya dengan kawasan binaan seluas 5,000 hingga 20,000 kaki persegi.

Empat belas arkitek tersebut ialah Malcomn Cummings dari Australia yang memajukan Sanctuary Cove di Gold Coast; Arthur Erickson dari Kanada; Nicolas Ayoub dari Perancis, Allan Chapman dan Remmert W. Huygen dari Amerika Syarikat, Charles Correa dari India, Itsuko Hasegawa dari Jepun, Francisco Manosa dari Filipina, Nithi Sthapitanonda dari Thailand, William Lim dari Singapura dan arkitek Malaysia terdiri daripada Hijjas Kasturi, Jimmy Lim, John Lau dan Othman Mohamed.

Effendi berkata pembeli, yang dibuat menerusi jempunan sahaja, berpeluang memilih 27 reka bentuk yang direka oleh arkitek-arkitek tersebut.

Katanya syarikat itu yang mengambil kira pemeliharaan alam sekitar akan melabur berjuta-juta ringgit dalam lanskap dan seni reka alam sekitar dengan kira-kira 20 peratus hingga 25 peratus daripada RM850 juta itu diperuntukkan bagi lanskap.

BCCR memajukan projek tersebut dengan kerja sama Nam Fatt Corporation Bhd, syarikat awam yang mempunyai rekod baik dalam bidang pembangunan harta, riadah, kejuruteraan, fabrikasi keluli, pembinaan awam, perkilangan dan perniagaan.

Effendi berkata Nam Fatt yang menjadi kontraktor utama bagi projek tersebut, akan diberi 30 peratus ekuiti apabila memohon berbuat demikian.

-- BERNAMA

DAB MA/sia